

10 MAR 1997

Syed Hamid-ARF

PERANCIS INGIN SERTAI FORUM SERANTAU ASEAN

KUALA LUMPUR, 10 Mac (Bernama) -- Menteri Pertahanan Perancis Charles Millon hari ini menyatakan minat negara itu untuk menyertai Forum Serantau Asean (ARF) kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menteri Pertahanan Datuk Syed Hamid Albar berkata, hasrat Perancis itu disampaikan pada pertemuan antara Dr Mahathir dan Millon di Jabatan Perdana Menteri di sini, hari ini.

"Millon berkata Perancis berminat menjadi rakan dialog dalam ARF dan bukan diwakili oleh Kesatuan Eropah," katanya ketika memberitahu pemberita mengenai hasil pertemuan itu di sini.

Bagaimanapun, Syed Hamid berkata ARF mempunyai formatnya yang tersendiri dan hasrat Perancis itu perlu dikaji terlebih dahulu oleh pihak berkenaan.

Forum bagi membincangkan isu-isu yang melibatkan keselamatan dan kestabilan rantau Asia Pasifik itu mengadakan pertemuan pertamanya di Bangkok pada 1994.

Selain itu, Syed Hamid berkata Millon meminta pandangan Dr Mahathir mengenai perkembangan semasa di rantau ini dan peranan yang boleh dimainkan Perancis untuk mengeratkan hubungan antara negaranya dengan Malaysia khususnya dan antara Kesatuan Eropah dan Asean amnya.

Millon juga menawarkan kepakaran Perancis dalam bidang teknologi dan usahasama yang dapat dijalin dalam bidang pembangunan dan pendidikan, katanya.

"Perdana Menteri turut memberi pandangan dan maklumat mengenai kedudukan Malaysia dalam isu-isu serantau dan antarabangsa," kata Syed Hamid.

Millon tiba di ibu negara semalam untuk lawatan tiga hari ke Malaysia.

-- BERNAMA

MAM HJ PR